



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Rujukan Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 3 (61)

Tarikh : 9 Oktober 2018

"Salam Kemahiran"

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMBUKAAN PENDAFTARAN PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN (PLK)
SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) SESI KEEMPAT TAHUN 2018 BAGI PENYEDIA LATIHAN
SWASTA DI BAWAH SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Pendaftaran Permohonan Pinjaman Latihan Kemahiran Secara Dalam Talian (*Online*) Sesi Keempat Tahun 2018 Bagi Penyedia Latihan Swasta Di Bawah Skim Pinjaman Lepas Sekolah telah dibuka mulai **11 Oktober hingga 30 November 2018**.

3. Untuk memastikan semua syarat dan peraturan permohonan dipenuhi, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuar/ puan adalah diingatkan untuk memastikan:

- i. Tempoh pendaftaran Penyedia Latihan (PL), program latihan, kursus latihan dan maklumat personel masih sah pentauliahahan dengan PTPK;
- ii. Maklumat Pegawai Penilai (PP) yang didaftarkan di dalam sistem e-SPKM, JPK **hendaklah sama dengan** maklumat PP yang didaftarkan semasa permohonan pendaftaran PLK pelatih yang dibuat secara atas talian (*online*) di PTPK;
- iii. PL telah diluluskan rayuan permohonan pendaftaran pelatih melebihi tempoh 30 hari;
- iv. PL telah diluluskan rayuan pendapatan keluarga melebihi RM5,000.00.

4. Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, surat edaran rujukan PTPK.PLS.600-1/9 JLD 3 (54) bertarikh 5 September 2018 dan surat edaran rujukan PTPK.PLS.600-1/9 JLD 3 (57) bertarikh 1 Oktober 2018 **adalah dibatalkan**.


Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"

Saya Yang Menjalankan Amanah


(AZRUL IZHABIN HAMZAH)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)

s.k : Ketua Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemahiran,
Bahagian MOSQ, Tingkat 7 & 8,
Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 PUTRAJAYA.